

CNS2569

R PB 25-10 00132 BH672

aab

PM - Ghafar (ulangan B585)

MAHATHIR ENGGAN ULAS KEDUDUKAN GHAFAR

Daripada Kuah Guan Oo

LIMASSOL (CYPRUS), 25 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad enggan mengulas tentang keputusan Encik Ghafar Baba meletakkan jawatannya sebagai Setiausaha Agung Barisan Nasional hari ini.

"Nanti saya balik tengok dulu," katanya apabila ditanya pada persidangan akhbar untuk wartawan Malaysia yang membuat liputan sidang kemuncak Komanwel di sini.

Presiden Umno itu juga enggan memberi nasihat lagi kepada anggota parti menjelang pemilihan Umno awal bulan depan. "Sudah bagi nasihat... nampaknya tak dengarpun," katanya.

Mengenai pengumuman Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bahawa beliau tidak mempunyai barisan atau pakatan wawasan pada pemilihan Umno kali ini, Perdana Menteri berkata, "Itu dia punya pendapat." -- lagi.

25/10/17-24MST

CNS2575

R PB 25-10 00085 BH673

aab

PM - Ghafar 2 (akhir) Limassol (Cyprus)

Ditanya mengenai teras atau matlamat belanjawan yang akan dibentangkan oleh Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Rakyat Jumaat ini, beliau berkata, belanjawan itu menumpukan perhatian kepada proses pembangunan negara.

"Kita juga akan berjimat cermat dalam penggunaan wang supaya kita tidak berhutang," katanya.

"Di samping itu, kita akan tumpukan kepada pembangunan infrastruktur, dan menjadikan Malaysia lebih menarik untuk pelaburan asing," katanya. -- Bernama.

KGO RS